

Bidang ICT bukan milik elit — PM

Um. 3/9/2004: 1&4 Perdana

Oleh LOKMAN OTHMAN

PUTRAJAYA 2 Sept. — Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini memberitahu kalangan nama-nama besar dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) antarabangsa bahawa pelaksanaan serta manfaat teknologi tersebut di Malaysia bukan milik golongan elit semata-mata.

Sebaliknya menurut Perdana Menteri, dasar kerajaan adalah untuk memasyarakatkan ICT di kalangan rakyat bagi melahirkan satu bentuk masyarakat yang mampu memanfaatkan teknologi itu pada masa ini dan masa depan.

“Strategi penting selepas ini ialah me-

ngurangkan jurang digital di kalangan rakyat, meningkatkan kecekapan dan ketelusan melalui peningkatan kecekapan penggunaan ICT.

● Lagi laporan di muka 2

“Justeru kerajaan Malaysia akan terus memberikan komitmen yang tinggi membangunkan Koridor Raya Multimedia dan industri ICTnya sebagai strategi memajukan ekonomi berasaskan pengetahuan dan masyarakat berasaskan nilai tinggi,” katanya di sini.

Abdullah menyatakan demikian di hadapan 13 ahli dan 18 wakil Panel Penasihat Antarabangsa (IAP)-Koridor Raya Multi-

media (MSC) ketika berucap merasmikan Mesyuarat IAP-MSC di Pusat Konvensyen Putrajaya pagi ini.

Ini merupakan kali pertama Abdullah mempengerusikan mesyuarat tersebut sejak mengambil alih jawatan Perdana Menteri daripada Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Antara nama-nama terkemuka yang hadir pada mesyuarat ke-8 ini ialah Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif Silicon Graphics Inc., Bob Bishop; Rene Svendsen-Tune (Naib Presiden Kanan Nokis Network), Christian Reinaudo (Presiden

■ Lihat muka 4

Bidang ICT bukan milik elit — PM

Alcatel Asia Pasifik dan Naib Presiden Alcatel), NR Narayana Murthy (Pengerusi Lembaga Infosys Technologies Limited), Dr. Edwin J. Feulner (Presiden Heritage Fondation) dan Robert Madge (Presiden IDtrack).

Eugene Delaney (Naib Presiden Motorola Inc), Stephen McGuckin (Ketua Pegawai Maklumat, DHL System Limited) dan Masae Tamura (Naib Presiden NTT Communication Corp.).

Mesyuarat sehari setengah kali ini memberi fokus kepada dua perkara iaitu pembangunan teknologi untuk pembangunan sosioekonomi dan bagaimana membolehkan syarikat-syarikat MSC berkembang ke peringkat lebih global.

Menurut Abdullah, MSC yang kini memasuki peringkat keduanya sejak diwujudkan pada 1997 memberikan tumpuan kepada tiga cabaran utama bagi memastikan objektifnya tercapai.

“Pertama membangunkan industri ICT tempatan dengan meningkatkan bilangan pelabur selain memacu aktiviti pemain-pemain utama ICT tempatan.

“Setakat ini telah ada syarikat Malaysia yang berupaya mengeluarkan produk-produk ICT bermutu tinggi dan kerajaan akan terus memastikan trend sihat ini berkembang,” katanya.

Cabaran seterusnya katanya ialah menjadikan MSC sebagai hub dan jenama antarabangsa melalui sasaran pemasaran strategik terutama melalui hubungan negara-negara ASEAN, OIC dan NAM.

“Sukacita saya maklumkan bahawa Malaysia telah berjaya memperoleh beberapa kontrak di Arab Saudi, Bahrain, Myanmar dan Iran. Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC) pula dijangka membuka pejabatnya di Dalian, China dan Jeddah, Arab Saudi pada akhir tahun ini,” ujarnya lagi.

Cabaran ketiga ialah keupayaan Malaysia melahirkan rakyat yang inovatif selain menve-

diakan tenaga manusia yang mencukupi terutama dalam bidang perubatan, ICT, kejuruteraan dan bidang-bidang lain yang berkaitan dengan sains dan teknologi.

Dalam hal ini Abdullah maklumkan ahli IAP-MSC bahawa kerajaan telah mengambil langkah komprehensif membawa pulang rakyat Malaysia yang pakar dalam bidang-bidang berkenaan melalui polisi dan insentif yang menarik.

“Bagaimanapun tidak dinafikan usaha ini juga memerlukan sokongan lain misalnya mewujudkan satu suasana yang menyenangkan pakar-pakar berkenaan untuk bertugas melalui peneгуhan ‘Sistem Inovasi Kebangsaan’ (NIS).

Perdana Menteri menambah, bagi meningkatkan keberkesanan usaha tersebut, kerajaan akan mahu meningkatkan hubungan sesama universiti, institusi penyelidikan, penumpang dana dan sektor awam.

Selain itu katanya, kerajaan akan terus memperkemas undang-undang harta intelektual dan prosedur imigresen selain memusatkan pembiayaan serta pakej insentif bagi menggalakkan aktiviti-aktiviti inovasi dan penyelidikan.

Mengenai kemajuan MSC, Abdullah berkata, ia telah memiliki lebih 1,000 syarikat berstatus MSC, mewujudkan 19,000 pekerjaan, nilai jualan RM5 bilion (RM1.2 bilion daripadanya membabitkan eksport produk ICT), nilai penyelidikan dan pembangunan sebanyak RM419 juta, manakala 70 peratus daripada syarikat-syarikat tersebut tersenarai di Mesdaq.

Sambil menyifatkan industri ICT Malaysia berkembang pesat, Abdullah memberitahu pasarnya dijangka bernilai AS\$10.49 bilion menjelang 2007.

Tahun ini sahaja katanya, nilai yang dibelanjakan untuk produk ICT di Malaysia kira-kira AS\$2.5 bilion sementara pertumbuhannya ialah 8.3 peratus.